



# KEFAHAMAN *ILĀHIYYĀT* DALAM MENINGKATKAN PROFESIONALISME MENURUT SYEIKH ZAINAL ABIDIN AL-FATANI

Oleh:

Faizuri bin Abd. Latif\*

Syed Muhammad Hilmi Syed Abdul Rahman<sup>†</sup>

## ABSTRAK

*Perbincangan untuk meningkatkan profesionalisme dalam pelbagai bidang yang diceburi sering mendapat tempat dalam pelbagai seminar dan forum. Pelbagai cadangan telah diutarakan dari banyak pihak sama ada dari pihak kerajaan mahupun individu bagi menyelesaikan isu tersebut. Ini kerana ketandusan profesionalisme dalam sesuatu bidang yang diceburi akan membantut usaha untuk mencapai pembangunan dan kemajuan sesebuah negara. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti apakah kekosongan jiwa dan kekeringan akidah merupakan antara faktor utama kepada permasalahan tersebut. Justeru, artikel ini mendedahkan pendekatan salah seorang ulama' Patani terkenal iaitu Syeikh Zainal Abidin al-Fatani yang terkenal dengan gelaran Tuan Minal bagi meningkatkan profesionalisme melalui pemahaman terhadap Ketuhanan (*Ilāhiyyāt*).*

## ABSTRACT

*Many seminars and forums put an effort to discuss on how to enhance professionalism in ones profession. In fact, many ideas have been proposed in order to resolve the issue.*

\* Faizuri Abd. Latif, M.Us., merupakan pensyarah kontrak di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau sedang menyiapkan tesis PhDnya di jabatan yang sama.

<sup>†</sup> Syed Muhammad Hilmi Syed Abdul Rahman, M.Us., merupakan pensyarah di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.



*This is because the lack of professionalism in any field of profession will weaken the efforts toward development of the country. Thus, this article aims to determine whether dryness and emptiness spirituality and faith is one of the main factors to the issue. Hence, the articles would like to discuss the approach of well-known Patani's Muslim scholar, Shaykh Zainal Abidin al-Fatani, known as Tuan Minal in enhancing professionalism through the understanding on the concept of *Ilāhiyyāt*.*

**Keywords:** *Tuan Minal, 'aqidah, Ilahiyat*

## PENDAHULUAN

Secara umumnya, terdapat kecenderungan yang mengatakan bahawa sebilangan umat Islam hari ini masih kurang faham mengenai konsep *Ilāhiyyāt* (Ketuhanan). Malahan, ada juga di kalangan masyarakat Islam yang tidak memahami langsung mengenai konsep ini. Situasi seperti ini memberi impak negatif terhadap individu, masyarakat, mahupun negara. Impak negatif tersebut akan ditonjolkan melalui tingkah laku. Maka, tidak hairanlah jika timbul pelbagai masalah jenayah seperti rasuah, politik wang, penipuan mahupun melanggar etika profesi. Oleh itu, kefahaman *Ilāhiyyāt* sangat penting dalam kehidupan individu muslim seluruhnya. Hal ini kerana, kefahaman *Ilāhiyyāt* yang jitu dalam diri seseorang muslim mampu meningkatkan mutu profesionalisme bagi melahirkan modal insan yang berkualiti dari segi fizikal, emosi dan spiritual. Berikut itu, penulis akan membahaskan kefahaman *Ilāhiyyāt* dalam meningkatkan profesionalisme berdasarkan pemikiran salah seorang ulama' Patani iaitu Syeikh Zainal Abidin al-Fatani atau lebih dikenali dengan Tuan Minal. Pemilihan tokoh ini adalah kerana beliau merupakan antara ulama' Patani yang banyak membincangkan persoalan *Ilāhiyyāt* dalam karyanya.

## PROFESIONALISME MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Menurut *Kamus Dewan*, istilah profesionalisme bermaksud sifat-sifat iaitu kemampuan, kemahiran dan cara pelaksanaan sesuatu sebagaimana yang sewajarnya dilakukan oleh individu yang profesional.<sup>1</sup> Selain itu, profesionalisme juga bermaksud tingkah laku, kemahiran atau kualiti yang dapat menunjukkan

<sup>1</sup> Lihat Noresah binti Baharom (2005), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 1233



## Kefahaman *Ilāhiyyāt* Dalam Meningkatkan Profesionalisme

bahawa seseorang itu mempunyai pengalaman dan standard yang tinggi yang boleh diharapkan daripada ahli sesuatu profesi itu.

Oleh yang demikian, profesionalisme perlu diberi perhatian dan penekanan kerana kompetensinya sukar untuk dikekalkan terhadap sesuatu profesi yang diberikan oleh seseorang muslim khususnya. Profesionalisme sering dikaitkan dengan sikap individu atau budaya yang mempunyai keunggulan visi berdasarkan sikap-sikap yang positif, mempunyai kaedah melaksanakan tugas yang sistematik dan berkualiti, memiliki tahap pencapaian yang cemerlang serta kemahiran kerja yang tinggi. Maka, seseorang individu yang bertugas dengan ciri-ciri profesionalisme akan dilihat sebagai seorang yang bercita-cita tinggi, memiliki daya pemikiran yang luas, peka kepada perubahan sekeliling, penuh disiplin dan berkomitmen tinggi dalam mencapai matlamat organisasi dan etika profesi.<sup>2</sup>

Profesionalisme juga merupakan suatu tahap daya kecekapan dan rasa tanggungjawab yang tinggi dalam melaksanakan tugas dengan sebaik mungkin.<sup>3</sup> Takrif ini menunjukkan bahawa komitmen jitu terhadap kompetensi akan melahirkan seorang manusia berkualiti dengan kesedaran terhadap amanah yang dipikul sehingga mampu membawa kepada ketelusan dan akauntabiliti.

Berikut adalah nilai-nilai profesionalisme yang selari dengan kehendak Islam dan semasa:<sup>4</sup>

### **1. Berilmu**

Islam menekankan keilmuan dalam apa jua tindakan umatnya sehingga ayat al-Qur'an pertama yang diturunkan merupakan ayat seruan terhadap pembacaan yang merupakan titik tolak kepada ilmu pengetahuan<sup>5</sup>. Hanya dengan ilmu dapat membezakan golongan yang berpengetahuan dan jahil sehingga ayat pertama yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w.

<sup>2</sup> Lihat Mohd Shahar bin Sidek (1993), "Profesionalisme dan Akauntabiliti: Beberapa Definisi dan Isu-Isu Organisasi", dalam *Warisan Gemilang*, Kuala Lumpur: INTAN, h. 36-45.

<sup>3</sup> Mohd Janib bin Johari (2001), *Etika Profesionalisme*, Johor: Universiti Teknologi Malaysia, h. 10.

<sup>4</sup> Norsuhaina Abu Bakar (2004), "Kawalan Profesionalisme Menurut Perspektif Islam: Kajian Terhadap Peserta Kursus Diploma Pengurusan Awam Di Intan Bukit Kiara", Latihan Ilmiah, Jabatan Siasah Syar'iyyah, Universiti Malaya: Akademi Pengajian Islam, h. 54

<sup>5</sup> Ayat pertama yang diturunkan ialah seruan kepada pembacaan sebagaimana firman Allah S.W.T. yang bermaksud "Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan,". Surah al-'Alaq 96: 1



juga adalah suruhan yang mengajak manusia menyirna keilmuan menerusi pembacaan.

## **2. Kreativiti dan Inovasi**

Islam merupakan sebuah agama yang dinamik, sentiasa bergerak mendepani arus perubahan. Oleh itu, umatnya perlu bertanggungjawab mengelakkan berlakunya kebekuan dan sifat statik dalam berfikir. Galakan berfikir secara kreatif dan melakukan pelbagai penyelidikan untuk menambah baik sistem yang sedia ada hendaklah diberi penekanan oleh umat Islam. Islam telah lama menganjurkan amalan berfikir ini dengan berlandaskan sumber-sumber Islam seperti al-Qur'an, al-Sunnah, *Ijma'* dan *Qiyās*. Namun terdapat satu lagi usaha penting yang menepati ciri kreatif dan inovatif ini dalam pemikiran yang melibatkan pengeluaran hukum Islam terkini bagi kes atau isu yang tiada disyariatkan nas langsung iaitu melalui proses ijtihad.

## **3. Integriti**

Sifat kejujuran dan keikhlasan merupakan asas dalam menjalankan kerja secara telus. Nilai-nilai murni seperti ini mampu mendidik individu lain agar tidak melakukan perkara-perkara buruk yang melampaui batas peraturan moral. Menurut nilai agama, mengambil hak orang lain dengan cara yang tidak sah atau tipu muslihat dan pemerasan adalah dilarang oleh Islam. Keluntungan terhadap pegangan nilai menyebabkan seseorang itu terutamanya umat Islam tidak lagi menganggap sesuatu pekerjaan atau usaha sebagai ibadat yang perlu endapat keredaan Allah S.W.T.

## **4. Akauntabiliti**

Sikap bertanggungjawab merupakan asas kepada sifat ini, mereka mampu menjawab semula segala tindakan yang dilakukan sama ada memberi impak positif mahupun negatif kepada sesebuah organisasi. Manakala, kehilangan pedoman hidup dalam diri seseorang mengancam akan kekuatan ikatan profesionalisme dan akauntabiliti<sup>6</sup>. Nilai-nilai akauntabiliti ini lebih menghindarkan seseorang itu daripada melakukan sesuatu tindakan yang buruk dan tidak bertimbang rasa dalam kerja. Malah, seseorang yang diberikan kuasa untuk menjaga kepentingan awam yang melibatkan harta, maruah, nyawadan agama hendaklah memiliki akhlak yang mulia<sup>7</sup>.

<sup>6</sup> Lihat Mohd Shahar bin Sidek (1993), *op.cit*, h. 44

<sup>7</sup> Lihat Syed Othman al-Hasbi (ed.) (1998), *Pengurusan dan Pentadbiran Mencapai Kecemerlangan Melalui Penghayatan Nilai*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam (IKIM), h. 180



## Kefahaman *Ilāhiyyāt* Dalam Meningkatkan Profesionalisme

Rentetan itu, Tan Sri Ahmad Sarji Abd. Hamid, bekas Ketua Setiausaha Negara semasa berucap di Seminar Penafsiran Semula Peranan Ahli Profesional Muslim Abad ke-21, telah menggariskan lima ciri-ciri utama yang perlu ada pada golongan profesionalisme:

1. *Competent* dan *well-informed* iaitu di mana seseorang itu berkemampuan mengolah maklumat dan pengetahuan yang sebegini banyak dengan ketajaman daya analisisnya dan kemampuannya untuk berfikir secara integratif dan konseptual. Ini akan membolehkannya bertindak balas dengan cepat terhadap perkembangan pesat di sekitarnya.
2. Mengamalkan *life-long learning* iaitu terus menerus mencari ilmu sepanjang hayat dengan tujuan menyesuaikan diri dengan dunia yang sememangnya sentiasa mengalami perubahan dinamik.
3. Berupaya meramal perubahan-perubahan yang bakal berlaku dan seterusnya berwatak kreatif dan inovatif dalam menangani cabaran-cabaran baru. Kreativiti itu perlu disertai dengan keberanian untuk bertanggungjawab, yakni sanggup membuat keputusan dan sanggup menghadapi risikonya. Di samping itu, mereka juga perlu mempunyai kepekaan terhadap keadilan sosial, perpaduan nasional dan solidariti kemanusiaan sejagat.
4. Memiliki harga diri dan kepercayaan pada diri sendiri yang berteraskan iman yang kuat. Ini akan memungkinkannya berdaya usaha dan berdaya saing di samping mendorongnya bekerjasama dengan pihak lain. Pegangan pada iman dan agama pula akan menentukan bahawa langkah-langkah yang diambilnya atau dicadangkannya akan mengambil kira dimensi agama, moral dan etika.

Justeru, profesionalisme ialah seseorang yang mengetahui tugasnya *inside-out*. Oleh itu, ia perlu mempunyai kemahiran, kebijaksanaan dan kemampuan untuk menjalankan tugas dengan penuh disiplin, komitmen dan penuh berintegriti. Dalam erti kata lain perkataan melahirkan manusia yang profesionalisme bererti menghasilkan modal insan yang memiliki kompetensi yang tinggi, lengkap dengan pengetahuan dan kepakaran tugas yang dilaksanakannya.

## KONSEP *ILĀHIYYĀT* MENURUT ISLAM

Dalam bahasa Arab, Tuhan disebut “*ilāh*”. Menurut Ibn Manzūr, “*ilāh*” bermaksud Allah S.W.T.. Selain itu, setiap sesuatu yang disembah merupakan “*ilāh*” bagi penyembahnya. Jamak bagi “*ilāh*” ialah “*ālihah*”



yang bermaksud sesuatu yang ditumpukan peribadatan kepadanya<sup>8</sup>. Dalam *Kamus Dewan*, kalimah “*ilāhiyyah*” bermaksud ketuhanan<sup>9</sup>. Justeru, dari segi bahasa perkataan “*ilāhiyyah*” membawa maksud ketuhanan dalam bahasa Melayu.

Dari segi istilah *Ilāhiyyah* bermaksud sesuatu yang berhubung dengan Allah S.W.T., sama ada dari segi *dhāt*, nama (*asmā'*), sifat, kalam, melihat Allah (*ru'yah Allāh*) dan perbuatan Allah (*af'āl Allāh*).

Dalam akidah Islam *Ilāhiyyāt* merupakan topik utama dan terpenting selain daripada Kenabian (*al-Nubuwah*)<sup>10</sup> dan *al-Sam'iyyāt*<sup>11</sup>. Kepentingan memahami persoalan ini kerana ia berkait rapat dengan *Dhāt* Allah S.W.T.<sup>12</sup>. Antara isu-isu penting yang terkandung dalam perbahasan *Ilāhiyyāt* ialah:

### 1. *Dhāt Allah S.W.T.*

*Dhāt* Allah S.W.T. adalah Maha Agung dan tidak menyerupai makhluk, juga tiada sesuatu pun yang setara denganNya, dan Dia adalah *Dhāt* yang maha suci lagi agung yang berbeza dengan makhluk. Selain itu, *Dhāt* Allah S.W.T. juga adalah *Wajib al-Wujub* dan tidak ada batasan pada kesempurnaanNya. *Dhāt* Allah S.W.T. juga tidak terikat dengan masa, dan tempat, bahkan Dialah yang menjadikan masa dan tempat. Meskipun Allah bersifat dengan mendengar, namun hakikat pendengaran (*sama'*) Allah S.W.T. tidak menyerupai makhluk seperti mendengar melalui deria telinga. Begitu juga, Allah S.W.T. melihat, tetapi hakikat penglihatan (*baṣar*) Allah S.W.T. adalah berbeza dengan makhluk. Memandangkan kelemahan akal manusia untuk memahami hakikat *Dhāt* Allah S.W.T., maka Islam melarang keras umatnya daripada memikirkan tentang perkara tersebut.<sup>13</sup> Ungkapan

<sup>8</sup> Lihat Ibn Manzūr (t.t), *Lisān al-'Arab*. Juz 1, Beirut: Dār al-Ma'ārif, h. 114

<sup>9</sup> Lihat Hajjah Noresah Baharom (ed.) (1998), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan pustaka, h. 483

<sup>10</sup> *Al-Nubuwah* ialah perbahasan tentang kenabian, serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti sifat yang mestilah ada pada Nabi dan sifat yang tidak layak baginya. Salmān, Nūḥ 'Alī (Dr) (2003), *al-Mukhtaṣar al-Mufid fī Sharḥ Jawharah al-Tawhid*, Kuala Lumpur: Maktabah al-Bayān Corporation Sdn. Bhd, h. 131

<sup>11</sup> *Al-Sam'iyyāt* bermaksud sesuatu yang tidak akan diketahui, melainkan melalui pengkhabaran daripada wahyu, seperti situasi di hari akhirat, jin, malaikat, 'arash dan lain-lain lagi. *Ibid*, h. 131.

<sup>12</sup> *Ibid*, h. 33.

<sup>13</sup> Lihat T.M. Hasbi Ash-Shiddieqy (1976), *Sejarah dan Pengantar Ilmu Tauhid/Kalam*, cet 2. Jakarta: Bulan Bintang, h. 83



## Kefahaman *Ilāhiyyāt* Dalam Meningkatkan Profesionalisme

terhadap larangan tersebut terserah melalui Hadith Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

*Fikirkanlah terhadap nikmat Allah S.W.T., namun jangan berfikir tentang DhātNya.<sup>14</sup>*

Hadith di atas menerangkan tentang tegahan Islam daripada memikirkan tentang Dhāt Allah S.W.T., kerana berfikir tentang perkara tersebut tidak mendatangkan sebarang kebaikan, bahkan akan merosakkan akal manusia.

### 2. *Sifat Allah S.W.T.*

Sifat-sifat Allah S.W.T. juga perlu di *ithbāt*kan tanpa *takyīf*, *tanzīh* dan *ta’til*. Iaitu seseorang itu perlu meyakini bahawa Allah S.W.T. memiliki sifat-sifat kesempurnaan, tanpa menafikan kewujudannya atau menggambarkannya dengan bentuk-bentuk tertentu. Selain itu, perlu membersihkan (*tanzīh*) Allah S.W.T. daripada mempunyai persamaan sifat dengan makhluk.

Menurut akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah, setiap individu hendaklah berpegang bahawa Allah S.W.T. memiliki sifat-sifat sebagaimana yang termaktub dalam al-Qur'an tanpa mempersoalkan bagaimanakah bentuknya (*takyīf*). Selain itu, mereka perlu membersihkan dan menyucikan (*tanzīh*) sifat-sifat Allah S.W.T. daripada menyerupai makhluk.

Sifat Allah S.W.T. dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu sifat *nafsiyyah*, *salbiyyah*, *ma’ani* dan *ma’awiyyah*<sup>15</sup>. Pembahagian tersebut merupakan cetusan idea daripada seorang tokoh ulama terkenal iaitu Muḥammad Yūsuf al-Sanūsī.<sup>16</sup> Beliau adalah orang pertama yang memperkenalkan konsep sifat dua puluh. Menurut al-Sanūsī, Allah S.W.T. memiliki 20 sifat wajib yang terkandung di bawah empat bahagian sifat di atas. Sifat-sifat 20 yang wajib ialah *wujūd*, *qidam*, *baqā'*, *mukhlāfatuhu li al-hawādith*, *wahdāniyyah*, *qudrat*, *iradah*, *‘ilmu*, *hayāh*, *sama'*, *baṣar*, *kalām*, *kawnuhu qādiran*, *kawnuhu murīdan*, *kawnuhu ‘āliman kawnuhu sāmi‘an*, *kawnuhu baṣiran* dan *kawnuhu mutakalliman*<sup>17</sup>. Selain 20 sifat wajib, terdapat 20 sifat yang menjadi lawan (*didd*) kepada sifat tersebut yang digelar sebagai sifat mustahil bagi Allah S.W.T.. Di samping sifat wajib dan mustahil terdapat sifat yang harus bagi Allah S.W.T.. Antara

<sup>14</sup> Lihat al-Hindi, ‘Alā’ al-Dīn Muttaqī bin Hisām al-Dīn (t.t) *Kanz al-‘Ummāl* fī *Sunan al-Afāl wa al-Aqwāl*, juz 3, Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 106

<sup>15</sup> Lihat Salmān, Nūḥ ‘Alī (2003), *op.cit*, h. 51-52

<sup>16</sup> Lihat Abdul Rahman Haji Abdullah (1998), *Pemikiran Islam Di Malaysia Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 40

<sup>17</sup> Lihat Salmān, Nūḥ ‘Alī (2003), *op.cit*, h. 52-74



perkara harus bagi Allah S.W.T. ialah harus bagiNya mencipta sesuatu atau tidak, juga harus bagiNya memperjalankan seseorang di atas air, atau menerbangkan seseorang ke udara dan sebagainya<sup>18</sup>.

### 3. *Nama-Nama Allah S.W.T.*

Nama-nama Allah S.W.T. ialah nama-nama yang telah ditetapkan (*ithbāt*) oleh Allah S.W.T. dalam al-Qur'an dan al-Hadith. Nama-namaNya adalah baik dan mulia. Dalam erti kata lain nama-nama Allah S.W.T. bukanlah bersifat *qiyyasiyah* atau rekaan semata-mata<sup>19</sup>.

Oleh yang demikian, nama-nama Allah S.W.T. adalah merujuk kepada *Asmā' Allāh al-Husnā*. Sesungguhnya, seseorang muslim dapat mengenal Allah S.W.T. dengan meneliti nama-nama yang layak bagiNya. Di dalam al-Qur'an tidak ada nas yang menetapkan bilangan nama Allah S.W.T.. Namun Hadith Rasulullah s.a.w. ada menyebut tentang bilangan tersebut. Sebagaimana sabda Baginda s.a.w. yang bermaksud:

*Daripada Abī Hurayrah berkata: Sabda Rasulullah s.a.w.: Sesungguhnya Allah mempunyai 99 nama, seratus kurang satu, maka barangsiapa yang menghitung atau menghafalnya akan masuk syurga.*<sup>20</sup>

Berdasar kepada hadith di atas, bilangan nama Allah S.W.T. sebanyak 99 nama sebagaimana yang terdapat dalam *Asmā' al-Husnā*. Namun demikian, nama tersebut diletakkan secara tidak tersusun dalam al-Qur'an.<sup>21</sup>

Justeru, *Asmā' al-Husnā* membuktikan kekuasaan dan keagungan Allah S.W.T.. Ini kerana, Baginda Rasulullah s.a.w. menganjurkan agar nama-nama tersebut dihafal supaya manusia lebih mengenal konsep *Ilāhiyyah*. Apabila merenung setiap nama yang terkandung dalam *Asmā' al-Husnā*, manusia akan lebih taat dan bertakwa. Secara tidak langsung *Asmā' al-Husnā* dapat menjelaskan bahawa Allah S.W.T. adalah Tuhan yang maha sempurna dan maha suci daripada sebarang kelemahan dan kekurangan.

<sup>18</sup> *Ibid.*, h. 90

<sup>19</sup> *Ibid.*, h. 82-83

<sup>20</sup> Lihat Al-Bukhārī (t.t), *Sahīḥ al-Bukhārī*. Kitāb al-Tawhīd, Bāb Inna li Allāh Mi`ah Ism illā Wāḥidan, juz 9, no Hadith 21. Beirut: al-Maktabah al-Thaqāfiyyah, h. 212

<sup>21</sup> Surah al-Ḥashr 59: 22-24, Surah al-`Aṣr 103:1-3, Surah al-Ikhlas 112:1-2 dan sebagainya.



#### 4. *Qada' dan Qadar Allah S.W.T.*

Beriman dengan qada' dan qadar merupakan perkara akidah yang diasaskan oleh Islam bersendikan keimanan kepada Allah S.W.T.. Akidah Islam membuktikan bahawa Allah S.W.T. mempunyai kekuasaan yang penuh, juga melakukan apa sahaja yang Dia kehendaki, dan mengetahui apa sahaja yang Dia lakukan. Kegagalan untuk memahami konsep ini akan menimbulkan pelbagai polemik dan kekeliruan yang boleh merosakkan akidah umat Islam.

Menurut Ibn Manzūr, *al-qadā'* bermaksud keputusan atau hukum, memutuskan hukuman (terhadap dua orang yang berkelahi), penyempurnaan (hajat), penyempurnaan hutang dan kematian (*qadā nahbah*)<sup>22</sup>. Manakala *al-qadar* pula bermaksud kadar atau ukuran sesuatu, memikiran, dan merancang (sesuatu urusan atau pekerjaan)<sup>23</sup>.

Justeru, qada' dan qadar membawa maksud setiap perkara yang telah berlaku, sedang atau bakal berlaku semuanya adalah tertakluk kepada ketentuan Allah S.W.T. untuk menentukan kedudukan sebenar sesuatu perkara itu. Oleh itu, apa sahaja yang terjadi dalam alam ini semuanya berlaku sesuai dengan *irādah* Allah S.W.T. sejak daripada awal hingga akhirnya. Firman Allah S.W.T.,

وَكُلُّ شَيْءٍ عِنْدَهُ بِمِقْدَارٍ

*Dan tiap-tiap sesuatu adalah ditetapkan disisiNya dengan kadar yang tertentu*<sup>24</sup>.

### BIOGRAFI SYEIKH ZAINAL 'ABIDIN AL-FATANI

Beliau ialah Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad bin Muhamad Dahhan bin Syeikh Wan Syamsuddin bin Syeikh Jaafar atau lebih terkenal dengan gelaran Tuan Minal<sup>25</sup>. Tuan Minal dilahirkan di kampung Bendang Badang,

<sup>22</sup> Lihat Ibn Manzūr (1990), *op. cit.*, jld 15, h. 186-189.

<sup>23</sup> *Ibid*, h. 76-78

<sup>24</sup> Surah al-Ra'd 13: 8

<sup>25</sup> Gelaran ini dikatakan mempunyai kaitan dengan peristiwa Tuan Minal dengan muridnya, di mana apabila beliau merasa marah atau rungsing terhadap murid-muridnya beliau akan membaca surah *al-Nas*. Apabila sampai kepada ayat *min al-jinnati wa al-nās* beliau meninggikan suaranya. Semakin kuat rasa marahnya, semakin tinggilah tekanan suaranya terhadap ayat tersebut. Ekoran seringkali menyebut ayat tersebut, maka lama kelamaan melekatlah kalimah *min al-jinnah* menjadi gelarannya. Kemudian kalimah tersebut disingkatkan menjadi "minal". Lihat Wan Muhamad Shaghir Abdullah, (1991), *Zainal Abidin al-Fatani, Majalah Dakwah*, April, hal. 16; Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *Ulama' Besar*



iaitu sebuah kampung yang terletak di lembangan Sungai Patani, berdekatan dengan Pekan Binjai Lama yang terletak di tengah-tengah perjalanan antara Bandar Patani dengan Bandar Yala, Thailand<sup>26</sup>.

Tuan Minal mendapat pendidikan secara informal di madrasah kampung beliau sendiri. Pada zaman tersebut pusat pengajian pondok menjadi pilihan utama muda-mudi yang berminat terhadap pendidikan agama. Berbekalkan keazaman dan kesedaran yang tinggi untuk mempertingkatkan lagi ilmu pengetahuan agama, beliau telah mengambil inisiatif untuk meneruskan lagi pengajian di pusat pengajian pondok. Pusat pengajian yang menjadi pilihan beliau ialah pondok Bendang Daya. Semasa berada di pondok ini, beliau berkesempatan belajar dengan beberapa tokoh ulama pondok yang terkenal pada waktu itu. Antara guru-guru Tuan Minal ialah Syeikh Wan Mustafa bin Muhammad Faqih al-Patani @ Tok Wan Pa yang merupakan pengasas pondok tersebut<sup>27</sup>, dan Syeikh Abdul Rashid al-Fatani yang terkenal dengan gelaran “Keramat Pulau Bidan”. Tuan Minal berkesempatan belajar ilmu usuluddin dengan Syaikh Muhammad Thaifyib bin Mas’ud al-Banjari al-Qadhi (Kedah)<sup>28</sup>.

Berbekalkan keazaman yang tinggi untuk menambah ilmu pengetahuan, Tuan Minal sekali lagi menyambung pelajaran ke luar negeri. Kali ini pusat

---

*Dari Patani*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hal. 71.

<sup>26</sup> *Ibid*, h .64. Menurut catatan yang dibuat oleh Hj. Yusuf bin Hj. Mustafa Bandar Fatani, Tuan Minal dilahirkan di Kampung Kerisik atau Angkro dalam Jajahan Patani. Al-Haji Yusuf bin al-Haji Mustafa Bandar Patani (1991), *Sejarah Dan Silsilah Keturunan Tuan Minal*, (t.tp), h. 1. Manakala menurut Hj. Wan Mohd Saghir, beliau berasal dari Kampung Anak Ru Patani. Lihat Wan Mohd Saghir Abdullah (2007), *Tuan Minal al-Fatani, Karangannya Rujukan Ulama'Melayu*, dalam Wan Mohd Saghir Abdullah, *Ulama'Dunia Melayu Yang diperkenalkan Dalam Utusan Malaysia*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, h. 137.

<sup>27</sup> Syeikh Haji Wan Mustafa al-Fatani dilahirkan tahun 1160 H/ 1747-8 M di Kampung Bendang Daya, Patani. Beliau merupakan anak Wan Muhamad al-Fatani, merupakan seorang ulama' Patani yang masyhur pada zamannya. Pernah diberikan gelaran sebagai “Hulubalang kepada Sultan Fathani Darus Salam”, “Hulubalang Wan Pa” dan “Datuk Panglima Kaya”. Syeikh Wan Mustafa dikatakan mempunyai empat orang anak lelaki, dan semuanya berjaya menjadi ulama' yang berkaliber. Anak-anak beliau ialah Syeikh Wan Muhamad Zin, Syeikh Wan Abdul Kadir, Syeikh Wan Abdul Latif dan Syeikh Wan Daud. Lihat. Ahmad Fathy al-Fatani, (2002) *op.cit*, h. 20; H.M. Bedjo Santoso (2006), “Syeikh Ahmad al-Fatani dan Sumbangannya Terhadap Pengembangan Pemikiran Islam di Pulau Jawa”, dalam Farid Mat Zain *et al.* (eds), *Nadwah Ulama' Nusantara III*, Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 244.

<sup>28</sup> Lihat Wan Mohd Saghir Abdullah (2007), “Tuan Minal al-Fatani, Karangannya Rujukan Ulama' Melayu”, dalam Wan Mohd Saghir Abdullah, *Ulama'Dunia Melayu Yang diperkenalkan Dalam Utusan Malaysia*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, h. 137.



## Kefahaman *Ilāhiyyāt* Dalam Meningkatkan Profesionalisme

pengajian yang menjadi pilihan beliau ialah di Masjid al-Haram, Mekah. Pada waktu itu, pengajian di Masjid al-Haram lebih terkenal sebagai pusat pendidikan sama ada secara formal atau tidak, dan telah dikunjungi oleh ramai bangsa Melayu bagi menimba ilmu agama untuk dunia dan akhirat.<sup>29</sup> Tidak dapat dipastikan secara tepat tarikh keberangkatan beliau ke Mekah. Namun menurut Ahmad Fathy al-Fatani, pemergian Tuan Minal ke sana tidaklah berselang lama dengan Syeikh Wan Muhammad Zain<sup>30</sup> dan Syeikh Wan Abdul Kadir<sup>31</sup>.

Ketika berada di Mekah Tuan Minal sempat menimba ilmu dengan beberapa tokoh ulama Arab dan Patani yang terkenal pada waktu itu, antaranya ialah seperti Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasb Allah al-Makki, Syeikh Wan Ali bin Ishak al-Fatani, Syeikh Abdullah bin Abd al-Rahim al-Fatani dan lain-lain lagi<sup>32</sup>. Di samping itu, beliau turut berguru dengan Syeikh Daud al-Fatani<sup>33</sup>. Tuan Minal tidaklah bermastautin lama di Mekah seperti rakan-rakannya yang lain yang terus bermukim di sana<sup>34</sup>.

<sup>29</sup> Lihat Che Zarrina Sa’ari (2001), “Perkembangan Tarikat Ahmadiyyah Di Negeri Kelantan Darul Naim”, dalam *Jurnal AFKAR*, bil.2, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, h. 62; Md Sidin Ishak & Muhamad Redzuan Othman (t.t) *The Malays in The Middle East*. Kuala Lumpur: University Of Malaya Press, h. 26

<sup>30</sup> Nama penuh beliau ialah Syeikh Wan Muhamad Zin @ Wan Din bin Wan Mustafa bin Muhamad Faqih al-Fatani. Di lahirkan di Patani pada tahun 1233H/1817M. Beliau merupakan bapa kepada seorang ulama’ agung Patani iaitu Syeikh Wan Ahmad al-Patani. Telah berangkat ke Mekah pada tahun 1862 M dan terus bermukim di sana. Syeikh Wan Muhamad Zin juga turut dianggap sebagai tokoh penyelamat manuskrip gurunya Syeikh Daud al-Fatani, dengan cara memperbanyak salinan tangan terhadap karya-karya tersebut. Beliau meninggal dunia di Makkah pada 21 Januari 1908, iaitu seminggu selepas kematian anak beliau Syeikh Wan Ahmad al-Fatani. Lihat. Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *op.cit*, h. 256-257.

<sup>31</sup> *Ibid*, h. 64

<sup>32</sup> Lihat Mohd Zamperi A. Malik, (1994), *Patani Dalam Tamadun Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 120

<sup>33</sup> Lihat Wan Muhamad Saghir Abdullah (2007), *op.cit*, h. 137-138

<sup>34</sup> Kenyataan ini berdasarkan ramai di kalangan ulama’ Patani yang mengambil inisiatif untuk terus bermukim di Mekah. Keputusan yang dibuat bukanlah bertujuan melarikan diri daripada tanggungjawab terhadap masyarakat, tetapi ekoran daripada percaturan politik dan tekanan yang berterusan daripada kerajaan Thailand terhadap masyarakat Islam yang tidak memungkinkan Islam mampu disebarluaskan dengan selamat. Antara ulama’ Patani yang mengambil inisiatif untuk terus bermukim di Mekah ialah seperti Syeikh Daud al-Fatani, Syeikh Nik Dir al-Fatani, Tok Sengora, Syeikh Wan Ahmad bin Wan Muhamad Zin al-Fatani, Tok Gudang, Syeikh Nik Mat Kechik al-Fatani dan lain-lain lagi.



Ini kerana setelah selesai menuntut ilmu beliau tidak menetap lebih lama di sana, bahkan terus pulang ke tanahair<sup>35</sup>.

Tidak seorang pun yang dapat mengetahui takdir Allah S.W.T.. Walau seagung mana pun jasa dan ketokohan seseorang pada masa hidupnya, namun dia tetap akan menghadapi kematian. Pada suatu tarikh yang belum dapat dipastikan Tuan Minal telah meninggal dunia di Permatang Sungai Dua, Seberang Perai, Pulau Pinang<sup>36</sup>. Menurut andaian Ahmad Fathy al-Fatani, Tuan Minal dikatakan kembali ke rahmatullah dalam lingkungan tahun 1913M<sup>37</sup>.

## KARYA-KARYA SYEIKH ZAINAL `ABIDIN AL-FATANI (TUAN MINAL)

Tuan Minal juga tergolong dikalangan ulama nusantara yang banyak menghasilkan karya-karya. Manakala karya-karya berkaitan akidah lebih mendominasi berbanding karya dalam disiplin ilmu lain. Antara karya-karya beliau ialah *`Aqidah al-Najin*, *Kashf al-Ghaybiyyah*, *Kashf al-Litham `an As' ilah al-Anam*, *Miftah al-Murid fi Ilm al-Tawhid*, *Irshad al-'Ibad ilà Sabıl al-Rashad*, *Faedah*, *Tabassum al-Sharibin*. Menurut Wan Muhamad Saghir, selain daripada karya-karya yang telah disebut di atas, masih terdapat beberapa karya Tuan Minal yang masih lagi berada dalam bentuk manuskrip seperti, *Sembahyang Jumaat* dan *Talhqiq al-Kalam fi Bayan Ibtida' al-Siyam*<sup>38</sup>.

## KEFAHAMAN *ILĀHIYYĀT* DALAM MENINGKATKAN PROFESIONALISME MENURUT SYEIKH ZAINAL `ABIDIN AL-FATANI

Tuan Minal tergolong di kalangan ulama Melayu yang aktif membincangkan persoalan akidah. Beliau berpendapat, mempelajari dan mengajar ilmu

<sup>35</sup> Lihat Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *op.cit*, hal. 64

<sup>36</sup> Menurut al-Haji Yusuf, Tuan Minal tidak meninggal dunia di Permatang Sungai Dua, Pulau Pinang, tetapi beliau kembali ke Rahmatullah di Makkah al-Mukarramah setelah sekali lagi berangkat ke sana mendalami ilmu pengetahuan agama. Al-Haji Yusuf bin al-Haji Mustafa Bandar Patani (1991), *Sejarah Dan Silsilah Keturunan Tuan Minal*, h. 2

<sup>37</sup> Penemuan tarikh kematian ini berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Ahmad Fathy al-Fatani terhadap tarikh-tarikh penghasilan karya oleh Tuan Minal. Lihat. Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *op.cit*, h. 67-68

<sup>38</sup> Lihat Wan Muhamad Saghir Abdullah, "Manuskrip Islam Dunia Melayu Ditinjau Dari Pelbagai Peringkat", dalam *Pengasuh* bilangan 553, h. 24.



## Kefahaman *Ilāhiyyāt* Dalam Meningkatkan Profesionalisme

akidah atau Usuluddin merupakan suatu kewajipan kepada setiap mukalaf sebagaimana katanya:

*Bermula hukum belajar ilmu usuluddin dan mengajarkan dia itu wajib pada hukum syara'*...<sup>39</sup>.

Kenyataan di atas mampu merungkai kenapa beliau amat perihatin terhadap disiplin ilmu ini. Memandangkan mempelajari ilmu ini merupakan suatu tuntutan daripada agama Islam. Kewajipan ini bukan hanya terletak kepada mempelajarinya sahaja, bahkan yang lebih penting ialah mengembang dan menyebarkan ilmu tersebut kepada umum. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Tuan Minal telah membukukan hasil pemikiran dalam karyakaryanya.

Kepentingan mempelajari ilmu akidah ialah kerana ianya berkait rapat dengan kewajipan mengenal Allah S.W.T.. Menurut Tuan Minal, mengenali Allah S.W.T. merupakan suatu kewajipan yang ditaklifkan terhadap setiap mukallaf. Dimaksudkan dengan mengenali Allah S.W.T. ialah dengan mengetahui sifat-sifat wajib, mustahil dan harus bagiNya.

### **1. Mengenali Allah S.W.T. Melalui SifatNya**

Menurut Tuan Minal, konsep mengenal Allah S.W.T. adalah berbeza dengan makhluk, kerana Allah S.W.T. bukan makhluk. Oleh itu cara mengenaliNya juga sangat berbeza, kerana tahap kesempurnaan *Dhāt*Nya tidak mampu dijangkau oleh akal manusia.

Justeru, Islam melarang keras umatnya daripada berfikir tentang *Dhāt*Nya sebagaimana Hadith Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

*Fikirkanlah terhadap semua perkara, namun jangan berfikir tentang Dhāt Allah S.W.T.*<sup>40</sup>.

Hadith di atas menerangkan tentang larangan Islam daripada memikirkan tentang *Dhāt* Allah S.W.T., kerana sepintar dan sehebat mana seseorang individu itu mereka tidak mampu menyingkap keagungan dan kebesaran *Dhāt*Nya. Persoalannya sekira Allah S.W.T. tidak mampu ditanggapi menerusi *Dhāt*Nya, maka bagaimanakah langkah untuk mengenaliNya. Menurut Tuan Minal, langkah terbaik untuk mengenali Allah S.W.T. ialah melalui sifat-sifatNya.

<sup>39</sup> *Ibid.*, h. 6

<sup>40</sup> Lihat. al-Hindi, 'Alā' al-Dīn Muttaqī bin Hisām al-Dīn (t.t) *op. cit.*, juz 3, h. 106; al-'Arab, 'Abd al-Ḥamīd 'Alī 'Izz (1987), *'Ilm al-Tawḥīd 'Ind Khallaṣa al-Mutakalimīn*, Kaherah: Dār al-Manār, h. 82



Menurut Tuan Minal, sifat yang wajib bagi Allah S.W.T. terdiri daripada dua puluh sifat yang terkandung di bawah empat kategori utama iaitu *Nafsiyyah*, *Salbiyyah*, *Ma`ani* dan *Ma`nawiyyah*. Kepentingan mengenali sifat-sifat ini adalah untuk mengetahui keagungan dan kebesaran Allah S.W.T. yang merupakan Tuhan pencipta alam. Berhubung Sifat *Wujūd* beliau menjelaskan bahawa Allah S.W.T. bersifat ada, dan tiada sesuatu pun yang menjadi punca kepada kewujudanNya. Sifat *Qidam* pula membuktikan bahawa Allah S.W.T. bersifat dengan sedia ada, dan tiada sesuatu pun yang mendahului kewujudanNya. Sifat *Baqā'* pula menjelaskan bahawa tiada pengakhiran bagi kewujudan Allah S.W.T.. Manakala Sifat *Mukhālafatuhu li al-Hawādith* menerangkan bahawa tiada sesuatu pun yang mempunyai persamaan dengan *Dhāt* Allah S.W.T.. Adapun Sifat *Qiyāmu bi Nafsih* pula menjelaskan bahawa Allah S.W.T. adalah berdiri dengan sendiri, iaitu tidak memerlukan bantuan daripada sesuatu yang lain. Sifat *Wahdāniyyah* pula menerangkan bahawa Allah S.W.T. adalah Maha Esa dan tidak berbilang-bilang. Sifat *Qudrah* pula membuktikan bahawa Allah S.W.T. adalah Maha Berkusa, dan tiada suatu pun yang mampu mengatasi kekuasaanNya. Manakala Sifat *Irādah* pula menjelaskan bahawa Allah S.W.T. adalah kehendak, dan tiada sesuatu pun yang berhak menyekat kehendakNya. Berkaitan Sifat *'Ilmu* pula membuktikan bahawa Allah S.W.T. mengetahui tentang semua perkara, dan tiada sesuatu pun yang terlindung daripada pengetahuanNya. Sifat *Hayāh* pula membuktikan bahawa Allah S.W.T. adalah hidup, sekiranya Dia tidak memiliki sifat ini pastinya tidak akan wujud sesuatu pun dalam alam ini. Sifat *Sama`* dan *Baṣar* pula menjadi bukti bahawa Allah S.W.T. maha mendengar dan melihat, dan tiada sesuatu pun yang mampu menjadi penghalang kepada pendengaran dan penglihatanNya. Manakala Sifat *Kalām* pula membuktikan bahawa Allah S.W.T. adalah bersifat dengan berkata-kata, namun *Kalām* Allah S.W.T. adalah berbeza daripada makhluk.

Selain mengemukakan sifat kesempurnaan bagi Allah S.W.T., Tuan Minal turut menjelaskan tentang kepentingan membersihkan (*tanzīh*) Allah S.W.T. daripada sifat kekurangan dan kelemahan. Berhubung persoalan tersebut, terdapat tiga bentuk *tanzīh* yang diketengahkan oleh Tuan Minal iaitu *tanzīh* pada *Dhāt*, Sifat dan *Af'āl*. Pertamanya *tanzīh* pada *Dhāt*, ialah menafikan terdapat *Dhāt* lain yang menyerupai *Dhāt* Allah S.W.T., kerana *Dhāt*nya tidak dicipta oleh sesuatu. Menurut Tuan Minal *Dhāt* Allah S.W.T. tidak boleh dipotong atau dikerat iaitu dinamakan sebagai (*Kam Muttaṣil*), atau *Dhāt*nya mempunyai persamaan dengan makhluk iaitu (*Kam Munfaṣil*)<sup>41</sup>.

<sup>41</sup> Menurut Tuan Minal, *Kam Muttaṣil* pada *Dhāt* ialah *Dhāt* Allah SWT tidak



## Kefahaman *Ilāhiyyāt* Dalam Meningkatkan Profesionalisme

Keduanya ialah *tanzīh* pada sifat, iaitu menafikan wujud persamaan Sifat Allah S.W.T. dengan makhluk. Menurut Tuan Minal, Sifat Allah S.W.T. adalah *Qadim* lagi *Baqā'* serta menyeluruh tanpa sebarang batasan. Situasi ini berbeza dengan makhluk yang mempunyai sifat yang terbatas, seperti mempunyai pendengaran yang terhad pada jarak yang tertentu. Ini berbeza dengan pendengaran Allah S.W.T. yang menyeluruh tanpa sebarang had dan batasan<sup>42</sup>. Tuan Minal turut menjelaskan bahawa Allah S.W.T. tidak memiliki banyak sifat seperti mempunyai dua atau lebih *Qudrah*, *Irādah*, Ilmu dan sebagainya<sup>43</sup>. Berkaitan persoalan *tanzīh* pada sifat, terdapat dua bentuk *tanzīh* yang ingin di utarakan oleh Tuan Minal. Pertamanya menyucikan Allah S.W.T. daripada mempunyai sifat yang terbatas seperti mempunyai pendengaran dan penglihatan pada jarak yang tertentu. Kedua menyucikan Allah S.W.T. daripada memiliki sifat yang tidak terbatas seperti memiliki banyak *Qudrah*, *Irādah*, Ilmu dan sebagainya.

Persoalan ketiga ialah *tanzīh* pada *af'āl* iaitu menafikan wujud persamaan perbuatan Allah S.W.T. dengan makhluk. Tuan Minal menjelaskan bahawa terdapat perbezaan antara perbuatan Allah S.W.T. dengan makhluk. Ini kerana perbuatan makhluk memerlukan kepada usaha dan bantuan, sedangkan Allah S.W.T. tidak berhajat kepada sebarang bantuan dan perantara seperti alatan dan sebagainya, kerana kehendakNya akan terus tercapai hanya melalui firmanNya. Sebagaimana firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

*Sungguhnya pekerjaan Allah itu apabila berkehendak Dia akan suatu bahawa berfirman Dia jadi olehmu maka jadilah<sup>44</sup>.*

Antara bentuk *tanzīh* pada *af'āl* ialah menafikan ada sekutu dalam perbuatan Allah S.W.T. seperti api yang mempunyai kekuatan untuk membakar, atau manusia mempunyai kuasa yang tersendiri untuk melakukan ketaatan dan maksiat<sup>45</sup>. Kenyataan ini menjelaskan terdapat dua bentuk *tanzīh* pada *Af'āl* Allah S.W.T. yang ingin dibincangkan oleh Tuan Minal. Pertamanya mentanzīhkan Allah S.W.T. daripada mempunyai perbuatan yang sama dengan makhluk seperti memerlukan bantuan atau pertolongan dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Ini kerana Allah S.W.T. adalah maha berkuasa

---

dapat dikerat dan dikecil-kecilkan, manakala *Kam Munfaṣil* pada *Dhāt* ialah tiada sesuatu yang menyerupai *Dhāt* Allah SWT. Lihat Zainal Abidin al-Fatani (t.t), *op.cit*, h. 21; al-Dusūqī, Syeikh Muḥammad (t.t), *op.cit*, h. 89-90; Salmān, Nūh 'Alī (2003), *op.cit*, h. 58

<sup>42</sup> Lihat Zainal Abidin al-Fatani (t.t), *op.cit*, h. 19

<sup>43</sup> *Ibid.*, h. 21

<sup>44</sup> Surah Yāsin 36:82; Zainal Abidin al-Fatani (t.t), *op.cit*, h. 19

<sup>45</sup> *Ibid.*, h. 21



dan tidak memerlukan sebarang bantuan daripada sesiapa pun. Keduanya mentanzīḥkan Allah S.W.T. daripada mempunyai perbuatan yang setaraf dengan makhluk. Dalam persoalan ini beliau telah mengemukakan dua contoh iaitu api dan perbuatan manusia. Berkaitan api beliau menerangkan bahawa ianya tidak mempunyai kekuatan yang tersendiri untuk membakar, melainkan kekuatan yang diberi oleh Allah S.W.T., begitu juga dengan manusia yang tidak mempunyai kebebasan yang sepenuhnya dalam melakukan sesuatu perbuatan, bahkan terdapat kuasa Allah S.W.T. di sebalik perbuatan tersebut. Kenyataan ini sebenarnya bertujuan menolak pandangan Qadariyyah yang menyifatkan bahawa manusia yang mencipta perbuatannya sendiri<sup>46</sup>.

Menerusi *Kitab 'Aqidah al-Najin*<sup>47</sup>, Tuan Minal berusaha bersungguh-sungguh mentanzīh atau menyucikan Allah S.W.T. daripada sifat-sifat kekurangan. Meskipun beliau tidak meletakkan persoalan *tanzīh* dalam satu topik perbahasan, namun berdasarkan perbincangan sifat dua puluh yang banyak mengutarkan sifat kebesaran dan keagungan Allah S.W.T. seperti *Wujūd*, *Qidam*, *Baqā`*, *Mukhālafatuhu li al-Hawādith*, *Qiyāmuhi bi Nafsīh*, *Wahdāniyyah*, *Qudrah*, *Irādah*, *Ilmu*, *Hayāh*, *Sama`*, *Başar*, *Kalām* dan lain-lain, menyerahkan hasrat beliau yang sebenarnya. Tujuan dikemukakan sifat-sifat ini adalah bagi menonjolkan perbezaan yang ketara antara Allah S.W.T. dengan makhluk.

Ini kerana ketika membincangkan tentang sifat-sifat Allah S.W.T. atau Sifat Dua Puluh, Tuan Minal turut menyelitkan sifat-sifat kekurangan yang berlawanan dengan sifat-sifat wajib tersebut, seperti '*adam* (tiada) lawan bagi *Wujūd*, *Hudūth* (baharu) lawan bagi *Qidam*, *Fanā`* (binasa) lawan bagi *Baqā`* (kekal), *Mumāthalatuhu li al-Hawādith* (menyerupai dengan yang baru) lawan bagi *Mukhālafatuhu li al-Hawādith* (berbeza dengan yang baru) dan lain-lain lagi. Dengan mengemukakan sifat-sifat kekurangan atau mustahil bagi Allah S.W.T. dapat dijadikan sebagai kayu ukur untuk menilai keagungan dan kekuasaan Allah S.W.T. berbanding dengan makhluk.

Justeru, menurut Tuan Minal dengan mengenal Allah S.W.T. mampu meningkatkan profesionalisme seseorang, memandangkan dengan mengetahui dan memahami bahawa Allah S.W.T. bersifat dengan keagungan dan kesempurnaan, tidak ada permulaan dan pengakhiran pada wujudnya, tidak ada sesuatu yang dapat mengatasi kekuasaanNya dan *Dhāt*Nya adalah berbeza dengan makhluk dengan sendirinya dapat

<sup>46</sup> Lihat al-Ghazzālī (2003), *al-Arba` īn fī Usūl al-Dīn*. `Urwānī, `Abd Allāh `Abd al-Ḥamīd *et al.* (*tahqīq*) Damsyiq: Dār al-Qalam, h. 24

<sup>47</sup> Kitab *'Aqidah al-Najin* merupakan sebuah karya Tuan Minal yang dihasilkan pada tahun 1890M. Karya ini mengandungi 140 halaman.



## Kefahaman *Ilāhiyyāt* Dalam Meningkatkan Profesionalisme

menanam rasa kekerdilan dan kelemahan diri seseorang disisi Allah S.W.T.. Oleh itu, sekiranya perasaan ini dapat diterapkan dalam diri seseorang, pasti ianya mampu melahirkan individu yang berkerja dengan ikhlas dan tidak berbangga diri<sup>48</sup>, kerana ia menyedari bahawa tiada kuasa lain yang mampu mengatasi kuasa Allah S.W.T.

### 2. Beriktiqad Allah S.W.T. Memiliki Nama-Nama yang Agung

Menurut Tuan Minal, menjadi kewajipan kepada setiap mukallaf beri 'tiqad' bahawa nama-nama Allah S.W.T. adalah *Qadīm*, kerana mustahil nama-nama yang baharu berada pada *Dhāt* yang *Qadīm*<sup>49</sup>.

Di samping itu, beliau turut sependapat dengan pandangan jumhur Ahl al-Sunnah yang berpendapat bahawa nama Allah S.W.T. adalah bersifat "tawqīfiyyah" iaitu telah termaktub dalam al-Qur'an, al-Hadith dan ijma' tanpa boleh dibuat sebarang penambahan dan pengurangan<sup>50</sup>.

Berhubung kedudukan nama Allah S.W.T., Tuan Minal menjelaskan bahawa nama Allah S.W.T. tidak jauh berbeza dari segi martabatnya. Tetapi nama paling tinggi dan agung ialah kalimah "Allah", sebagaimana firman Allah S.W.T.:

وَكَلْمَةُ اللَّهِ هِيَ الْعُلَيَا

*Nama Allah maka bahwasanya yang terlebih tinggi martabatnya daripada sekalian namaNya<sup>51</sup>.*

Berkaitan nama Allah S.W.T. yang menimbulkan kekeliruan tentang maksudnya, menurut Tuan Minal pada hakikatnya nama tersebut tidak kesamaran, bahkan kesamaran itu timbul lantaran kejahilan seseorang dalam memahami hakikat nama tersebut. Contohnya, seperti "*Halīm*" yang memberi kewahaman seolah-olah ada yang menyakiti Allah S.W.T., pada hakikatnya bermaksud Allah S.W.T. tidak bersegera menyiksa orang yang derhaka. Manakala "*Shakūr*" yang menggambarkan Allah S.W.T. berhajat kepada kesyukuran daripada hamba sebenarnya bererti Allah S.W.T. membala kebaikan hamba yang tidak terhingga di akhirat. Adapun "*Sabūr*" yang memberi kewahaman seolah-olah Allah S.W.T. bersabar

<sup>48</sup> Lihat Zainal 'Abidin al-Fatani (t.t), *op.cit*, h. 129

<sup>49</sup> Lihat al-Baghdādī (1928), *op.cit*, h. 124; Al-Bājūrī (2002), *op.cit*, h. 151; Zainal 'Abidin al-Fatani (t.t), *op.cit*, h. 48

<sup>50</sup> Lihat Al-Baghdādī (1928), *op.cit*, h. 116; Al-Bājūrī (2002), *op.cit*, h. 154; al-Šāwī, al-Shaykh Ahmad bin Muhammad al-Mālikī (2005), *op.cit*, h. 214.

<sup>51</sup> Al-Tawbah : 40; Al-Bājūrī (2002), *op.cit*, h. 153



dengan karenah hamba, pada hakikatnya bermaksud Dia tidak bersegera menghukum orang yang derhaka<sup>52</sup>.

Oleh itu, menurut Tuan Minal keyakinan terhadap kebesaran dan keagungan nama-nama Allah S.W.T. mampu membentuk individu yang berkerja dengan mantap dalam setiap profesion yang diceburinya. Memandangkan ia mengetahui bahawa Allah S.W.T. maha pengasih terhadap hambanya. Lantaran itu, ia juga akan sentiasa bertolak ansur dan membantu orang yang berada dalam kesusahan. Begitu juga kefahaman terhadap pengertian *Asmā'* Allah S.W.T. mampu membentuk individu yang sentiasa bersabar, bersyukur, lemah lembut, pemaaf dan sebagainya. Ini kerana sekiranya mereka yang mempunyai kefahaman yang mantap terhadap nama-nama Allah S.W.T., maka mereka akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menghayati apa yang tersirat dalam nama-nama tersebut.

### Meyakini Qada' dan Qadar Allah S.W.T.

Berhubung qada' dan qadar, Tuan Minal menegaskan menjadi kewajipan kepada setiap mukallaf beri 'itiqad' bahawa Allah S.W.T. yang mencipta segala-galanya. Manakala seluruh penciptaan itu dijadikan melalui *Sifat Fi'l*. *Sifat fi'l* merujuk kepada perbuatan (*af'al*) Allah S.W.T. yang terdiri daripada mencipta makhluk (*takhlīq*), mengurnia rezeki (*tarzīq*), memberi petunjuk (*ihdā'*), menyesatkan (*idlāl*), menghidupkan (*iḥyā'*) dan mematikan (*imātah*) dan sebagainya<sup>53</sup>.

Di samping itu, Tuan Minal tidak bersetuju dengan pegangan golongan Mu'tazilah yang menyifatkan perbuatan pilihan (*ikhtiyārī*) datang daripada manusia, dan bukannya daripada Allah S.W.T.<sup>54</sup>. Bagi Mu'tazilah, manusia yang mencipta perbuatan pilihan (*ikhtiyārī*) berdasarkan *qudrah* yang dikurniakan Allah S.W.T.. Kenyataan ini dibuat berdasarkan kefahaman mereka bahawa Allah S.W.T. tidak mencipta perkara yang keji dan kotor<sup>55</sup>.

Menjawab persoalan Mu'tazilah yang menyifatkan Allah S.W.T. tidak menjadikan perkara keji dan kotor, Tuan Minal menjelaskan Allah S.W.T. berhak mencipta sesuatu dan semuanya adalah baik bagiNya, manakala

<sup>52</sup> Lihat Zainal 'Abidin al-Fatani (t.t), *op.cit*, h. 48-49; Al-Bājūrī (2002), *op.cit*, h. 154-155

<sup>53</sup> Lihat Zainal 'Abidin al-Fatani, *op.cit*, h. 51-52

<sup>54</sup> *Ibid.*, h. 53

<sup>55</sup> Lihat 'Abd al-Hamīd, Dr. 'Irfān (1967), *op.cit*, h. 261; Ahmad Amin (1982), *Fajr al-Islām*, h. 297; Zainal 'Abidin al-Fatani (t.t), *op.cit*, h. 22;



## Kefahaman *Ilāhiyyāt* Dalam Meningkatkan Profesionalisme

tiada sesiapa pun yang berhak mempersoalkan tentang ciptaanNya, sebagaimana firman Allah S.W.T.:

لَا يُسَأَلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْأَلُونَ

*Jangan kamu tanya daripada barang yang Ia berbuat dan segala mereka itu yang ditanyakan segala perbuatan mereka<sup>56</sup>.*

Oleh itu, keyakinan terhadap qada' dan qadar mampu membentuk individu yang sentiasa beristiqamah terhadap sebarang pekerjaan yang diamanahkan kepadanya sama ada ketika senang dan susah, kerana ia meyakini bahawa setiap musibah yang menimpa adalah ujian daripada Allah S.W.T. yang bertujuan menguji kesabaran dan keteguhan iman seseorang<sup>57</sup>. Selain itu, individu yang beriman dengan qada' dan qadar mampu menghindar dan menjauhkan diri daripada sifat mazmumah seperti hasad dengki<sup>58</sup>. Kerana hasad dengki terhadap seseorang seolah-olah mengingkari ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Begitu juga kefahaman terhadap qada' dan qadar mampu membentuk individu yang tidak mudah berputus asa dan hilang semangat, di samping memberi ketenangan jiwa ketika menghadapi musibah tersebut.

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas menjelaskan tentang kesungguhan dan komitmen Tuan Minal melahirkan individu yang benar-benar berkualiti dan mendapat kejayaan di dunia dan akhirat. Bagi beliau, tidak ada jalan terbaik untuk mencapai profesionalisme dalam kehidupan di dunia, melainkan dengan akidah yang benar-benar mantap terhadap Allah S.W.T.. Justeru, kefahaman terhadap konsep *Ilāhiyyāt* mampu menrealisasikan matlamat tersebut.

<sup>56</sup> Surah al-Anbiyā' 21:23; Zainal 'Abidin al-Fatani (t.t), *op.cit*, h. 22

<sup>57</sup> Zainal 'Abidin al-Fatani (t.t), *op.cit*, h. 55

<sup>58</sup> *Ibid.*, h. 129

